

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2



RAMAH MESRA AIDILFITRI BERSAMA RAKAN KOLABORASI

Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang



Jika jiwa sebening air, maka janganlah
dikeruhkan,
Jika hati seputih awan, janganlah kita
mendungkan. Raihkan kemenangan dengan
kita saling bermaafan, Semoga hari raya ini
dipenuhi dengan kebahagiaan.

*Selamat Hari
Raya Aidil Fitri*



SALAM AIDILFITRI

ALLAH HU AKBAR ALLAHU HU AKBAR, LA ILAAHA ILLALLAHU WALLAHU AKHBAR,
ALLAHU AKBAR, WA LILLAH HILHAMD.



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah dan syukur ke hadirat Allah SWT di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua untuk melapangkan masa, memeriahkan suasana aidiil fitri minal aidiil wal faizin di bulan syawal pada tahun ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan para tetamu jemputan dan di-dif kehormat yang telah sudi melapangkan diri, meluangkan sedikit masa untuk hadir ke majlis RAMAH MESRA AIDILFITRI BERSAMA RAKAN KOLABORASI MASMED yang seadanya ini.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua sudah pasti menambahkan seri, memahat memori yang manis untuk majlis kami tahun ini.

Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan buat seluruh ahli jawatankuasa majlis RAMAH MESRA AIDILFITRI BERSAMA RAKAN KOLABORASI MASMED kerana komitmen yang tinggi dalam usaha menyatu idea, menyempurnakan kerja, menzahirkan upacara, memastikan majlis ini berlangsung serta terlaksana dengan penuh adab dan jayanya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Beriahunya ramadhan dan kedatangan Syawal adalah sebagai tanda kemenangan kepada umat islam ini kerana ALLAH S.W.T telah menegakkan sebagaimana firmanNYA yang bermaksud;

“Dan hendaklah kamu menyempurnakan bilangan puasa pada Bulan Ramadhan dan hendaklah kamu bertakbir mengagungkan Allah apabila berhari raya kerana Allah berikan hidayah kepada mu.” (Surah Al Baqarah : 185).

Di hari lebaran inilah kita seharusnya memanjatkan kesyukuran kerana masih lagi hidup dan berpeluang bertemu sanak saudara mahupun sahabat handai yang mungkin terpisah buat sementara waktu. Aidilfitri juga menjadi saat di mana kita menghulurkan kemaafan sesama sendiri. Andainya ada tersilap tutur bicara, terkasar behasa, hulurkan lah kedua belah tangan dengan penuh keikhlasan memohon ampun dan maaf baik di kalangan ahli keluarga sendiri, sahabat, teman, rakan sepejabat, jiran tetangga tanpa mengenal sis. Marilah kita sama-sama memurnikan Syawal ini dengan mengukuhkan dan mengeratkan lagi tali silaturrahim kerana bila kita sudah bermaafan pasti akan wujud rasa ketenangan dalam diri kita. Rasa ketenangan yang terbit dari kejujuran hati kita itu sudah cukup menandakan kita telah bermuhasabah dan bermujahadah dalam melawan hawa nafsu atau mungkin sifat-sifat mazmumah yang bertakhta di hati kita selama ini.

Dalam kita meraikan Aidilfitri dalam suasana aman dan meriah ini, janganlah kita alpe untuk mendoakan saudara-saudara kita di negara bergolak seperti di Palestin, Syria, Afghanistan, dan Libya, yang menyambut Syawal dengan menyeka air mata. Di sinilah pentingnya keamanan. Ia hanya dapat dikecapi dengan sikap saling



hormat menghormati untuk hidup bersama sebagai sebuah keluarga biarpun berbeza latar belakang dan budaya. Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga MASMED agar berpegang kepada konsep Tasamuh- yakni ajaran Islam yang menekankan tentang nilai toleransi dan kebersamaan yang perlu kita pupuk dalam kalangan kita sewajarnya. Dengan tasamuh, seseorang akan lebih menghargai perbezaan antara sesama manusia dalam batas-batas yang digariskan oleh agama Islam.

Hadirin yang dirafkan sekalian,

Bagi kami di MASMED, majlis RAMAH MESRA AIDILFITRI ini diadakan untuk mengucapikan rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Pengurusan Tertinggi UTM kerana tidak pernah tidak lekang sokongannya kepada MASMED untuk setiap aktiviti yang dianjurkan oleh MASMED.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengucapikan jutaan terima kasih kepada para tetamu kehormat dan rakan-rakan strategik yang telah sudi hadir memeriahkan lagi majlis kami ini. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa RAMAH MESRA AIDILFITRI BERSAMA RAKAN KOLABORASI MASMED kerana kesungguhan dan dedikasi anda semua dalam memastikan kelancaran dan kelangsungan program pada hari ini.

**Indah busana raja schari,
Buat tatapan pemuda dan pemudi,
Marilah kita ziarah menzlarahi,
Agar ukhuwah terjalin rapi.**

**Lebaran kini menjelma kembali,
Menyegar kini jiwa sanubari,
Seribu kemasafan kian dirasai,
Segunung kemasafan kupinta dikurniai.**

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM

A photograph of a modern, multi-story building with a white facade and a dark tiled roof. The building features a prominent sign that reads "KOMPLEKS USAHAWAN" in large, bold, blue capital letters. The building has several windows and a covered entrance area with white columns. The sky is blue with some light clouds.

**KOMPLEKS
USAHAWAN**